



D.R. 15/99

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG HUBUNGAN KONSULAR
(KONVENSYEN VIENNA) 1999

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Pemakaian Konvensyen Vienna
3. Tafsiran
4. Pemakaian Akta
5. Peremitan cukai, caj, duti dan fi
6. Sekatan ke atas keistimewaan dan kekebalan
7. Keterangan
8. Kecualian bagi perkiraan dwipihak tertentu
9. Kuasa untuk memegang tanah di Malaysia
10. Kuasa pegawai konsular berhubung dengan harta orang yang sudah mati
11. Pindaan dan kecualian

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda undang-undang mengenai hubungan konsular dengan memberikan kuat kuasa kepada Konvensyen Vienna mengenai Hubungan Konsular (yang ditandatangani dalam tahun 1963) dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

BAHAWASANYA Perkara 77 Konvensyen Vienna mengenai Hubungan Konsular yang ditandatangani dalam tahun 1963 memperuntukkan bahawa:

"(1) Konvensyen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada hari yang ketiga puluh berikutan dengan tarikh penyimpanan surat cara ratifikasi atau kesertaan yang kedua puluh dua dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

(2) Bagi setiap Negara yang meratifikasi atau menyertai Konvensyen selepas penyimpanan surat cara ratifikasi atau kesertaan yang kedua puluh dua itu, Konvensyen hendaklah mula berkuat kuasa pada hari yang ketiga puluh selepas penyimpanan oleh Negara itu akan surat cara ratifikasi atau kesertaannya.":

DAN BAHAWASANYA surat cara kesertaan yang kedua puluh dua tersebut telah disimpan sedemikian oleh Madagascar pada tujuh belas hari bulan Februari 1967 dan oleh yang demikian Konvensyen mula berkuat kuasa pada sembilan belas hari bulan Mac 1967:

DAN BAHAWASANYA Malaysia telah menyimpan surat cara kesertaannya pada satu hari bulan Oktober 1991 dan oleh yang demikian mengikut Perkara 77 tersebut Konvensyen mula berkuat kuasa setakat yang berkenaan dengan Malaysia pada satu hari bulan November 1991:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, INILAH DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia, seperti yang berikut:

Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999.
- (2) Akta ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 November 1991.
- (3) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

Pemakaian Konvensyen Vienna

2. (1) Tertakluk kepada seksyen 4, Perkara-Perkara yang dinyatakan dalam Jadual (yang merupakan Perkara-Perkara Konvensyen Vienna mengenai Hubungan Konsular yang ditandatangani dalam tahun 1963) hendaklah mempunyai kuat kuasa undang-undang di Malaysia dan bagi maksud itu hendaklah ditafsirkan mengikut peruntukan yang berikut seksyen ini.

(2) Dalam Perkara-Perkara itu—

"pihak berkuasa Negara penerima" hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk mana-mana pegawai polis dan mana-mana orang yang menjalankan kuasa memasuki mana-mana premis di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia;

"rakyat Negara penerima" hendaklah ditafsirkan sebagai bererti seseorang warganegara.

(3) Bagi maksud Perkara 45, sesuatu penepian oleh ketua sesuatu jawatan konsular mana-mana Negara atau mana-mana orang yang sedang melaksanakan fungsinya hendaklah disifatkan sebagai suatu penepian oleh Negara itu.

(4) Perkara 32, 39, 46, 47, 48, 49, 50, 52, 54, 58, 60, 62, 65, 66 dan 67 hendaklah ditafsirkan sebagai memberikan apa-apa keistimewaan atau kekebalan yang dikehendaki olehnya supaya diberikan.

(5) Sebutan dalam Perkara 71 mengenai takat yang apa-apa keistimewaan dan kekebalan diterima oleh Negara penerima dan mengenai keistimewaan dan kekebalan tambahan yang mungkin diberikan oleh Negara penerima hendaklah ditafsirkan masing-masingnya sebagai sebutan mengenai takat yang apa-apa keistimewaan dan kekebalan mungkin ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* dan mengenai apa-apa keistimewaan dan kekebalan tambahan yang mungkin ditentukan sedemikian.

Tafsiran

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Konvensyen 1963" ertinya Konvensyen Vienna mengenai Hubungan Konsular 1963;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal luar negeri.

Pemakaian Akta

4. Akta ini hendaklah terpakai—

- (a) bagi mana-mana Negara yang menjadi pihak kepada Konvensyen 1963;
- (b) setakat dan dengan apa-apa ubahsuaian yang didapati perlu oleh Yang di-Pertuan Agong, bagi mana-mana Negara, yang bukan suatu Negara yang menjadi pihak kepada Konvensyen 1963, yang diisytiharkan olehnya sebagai suatu Negara yang baginya Akta ini terpakai melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, iaitu Negara yang dengannya telah dibuat oleh atau bagi pihak Malaysia suatu konvensyen konsular yang memperuntukkan perkara yang peruntukan mengenainya dibuat dalam Akta ini; dan
- (c) setakat dan dengan apa-apa ubahsuaian yang didapati perlu oleh Yang di-Pertuan Agong, bagi mana-mana badan atau entiti politik yang ditentukan olehnya melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Rang Undang-Undang

Peremitan cukai, caj, duti dan fi

5. Yang di-Pertuan Agong boleh memperuntukkan bahawa apa-apa cukai, caj, duti atau fi, yang dikenakan atau dipungut di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia atau di mana-mana Negeri anggota di Malaysia atau mana-mana bahagiannya oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan mana-mana Negeri anggota itu atau oleh mana-mana Perbandaran, Lembaga Bandaran atau pihak berkuasa awam yang lain di Malaysia, dan yang kena dibayar oleh Kerajaan mana-mana Negara atau oleh pegawai konsular atau pekerja konsular Negara itu hendaklah diizinkan, apabila, pada pendapat Yang di-Pertuan Agong, peremitan itu patut diberikan oleh sebab layanan yang diberikan kepada Kerajaan Malaysia atau kakitangan konsularnya oleh Negara itu.

Sekatan ke atas keistimewaan dan kekebalan

6. (1) Jika didapati oleh Yang di-Pertuan Agong bahawa keistimewaan dan kekebalan yang diberikan kepada sesuatu jawatan konsular Malaysia di wilayah mana-mana Negara, atau kepada orang yang berkaitan dengan jawatan konsular itu, adalah kurang daripada yang diberikan oleh Akta ini kepada jawatan konsular Negara itu atau kepada orang yang berkaitan dengan jawatan konsular itu, Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menarik balik keistimewaan dan kekebalan yang diberikan sedemikian daripada jawatan konsular Negara itu atau daripada mana-mana orang yang berkaitan dengannya sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Suatu perintah di bawah seksyen ini hendaklah tidak diendahkan bagi maksud subseksyen 1(2) Bahagian I dan subseksyen 2(1) Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan (yang berhubungan dengan kewarganegaraan anak-anak orang tertentu yang mempunyai kekebalan diplomatik).

Keterangan

7. Jika dalam apa-apa prosiding timbul persoalan sama ada atau tidak mana-mana orang berhak mendapat apa-apa keistimewaan atau kekebalan di bawah Akta ini, suatu perakuan yang dikeluarkan oleh atau di bawah kuasa Menteri yang menyatakan apa-apa fakta yang berhubungan dengan persoalan itu hendaklah menjadi keterangan konklusif mengenai fakta itu.

Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna)

Kecualian bagi perkiraan dwipihak tertentu

8. (1) Jika mana-mana perjanjian atau perkiraan khas antara Kerajaan mana-mana Negara dengan Kerajaan Malaysia yang berkuat kuasa pada permulaan kuat kuasa Akta ini mengadakan peruntukan bagi meluaskan—

- (a) apa-apa kekebalan daripada bidang kuasa dan daripada penangkapan atau penahanan, dan apa-apa ketakbolehcabulan kediaman, sebagaimana yang diberikan oleh Akta ini kepada seseorang pekerja konsular; atau
- (b) apa-apa pengecualian daripada duti kastam, cukai dan caj yang berhubungan yang diberikan oleh Akta ini berkenaan dengan barang bagi kegunaan sendiri seseorang pekerja konsular,

kepada mana-mana golongan orang, atau kepada barang bagi kegunaan sendiri mana-mana golongan orang, yang berkaitan dengan jawatan konsular Negara itu, kekebalan dan ketakbolehcabulan atau pengecualian itu hendaklah diluaskan sedemikian, selagi persetujuan atau perkiraan itu terus berkuat kuasa.

(2) Menteri hendaklah menyiarkan dalam *Warta* suatu notis yang menyatakan Negara-Negara yang dengannya dan golongan orang yang berkenaan dengannya suatu perjanjian atau perkiraan yang disebut dalam subseksyen (1) sedang berkuat kuasa dan sama ada kesannya adalah sebagaimana yang disebut dalam perenggan (1)(a) atau (b), dan hendaklah apabila perlu meminda notis itu dengan suatu notis lanjut sedemikian; dan notis itu hendaklah menjadi keterangan konklusif mengenai perjanjian atau perkiraan itu dan golongan orang yang berkenaan dengannya ia berkuat kuasa.

Kuasa untuk memegang tanah di Malaysia

9. (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, adalah sah bagi tanah di mana-mana bahagian Malaysia atau apa-apa kepentingan mengenai tanah itu diberikan, diberimilikan, dipajakan atau dipindahmilikkan kepada atau dipunyai atau dipegang oleh—

- (a) mana-mana Negara—
 - (i) bagi maksud pejabat konsular Negara itu atau bagi kediaman seseorang pegawai konsular Negara itu; atau

- (ii) bagi apa-apa maksud konsular yang lain yang diluluskan oleh Menteri; atau
- (b) mana-mana Negara yang diberi kuasa atau berhak mempunyai atau memegang tanah atau apa-apa kepentingan mengenai tanah di Malaysia di bawah mana-mana triti, konvensyen atau perjanjian yang kepadanya Malaysia menjadi suatu pihak, bagi apa-apa maksud yang dinyatakan dalam triti, konvensyen atau perjanjian itu.

(2) Jika menurut kuasa subseksyen (1), adalah sah bagi tanah atau sesuatu kepentingan mengenai tanah untuk diberikan, diberimilikan, dipajakan atau dipindahmilikkan kepada atau dipunyai atau dipegang oleh mana-mana Negara, maka tanah atau kepentingan itu boleh diberikan, diberimilikan, dipajakan atau dipindahmilikkan kepada atau dipunyai atau dipegang oleh Negara itu atas namanya sendiri atau bagi pihaknya kepada atau oleh mana-mana orang yang dinamakan bagi maksud subseksyen ini sama ada pada amnya atau dalam sesuatu hal tertentu melalui surat yang dialamatkan kepada Menteri oleh atau bagi pihak Negara itu dan Negara atau orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah didaftarkan sewajarnya sebagai tuan punya, penerima pajak atau selainnya, mengikut kehendak keadaan, dalam mana-mana daftar yang disimpan di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Ordinan Tanah Sabah [*Sabah Bab 68*] atau Kanun Tanah Sarawak [*Sarawak Bab 81*], mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), sesuatu Negara boleh menamakan sesuatu pertubuhan perbadanan yang diperbadankan oleh atau di bawah undang-undang Malaysia atau undang-undang Negara itu atau seseorang individu yang dinamakan dengan nama atau dengan gelaran apa-apa jawatan yang dipegang olehnya dalam kerajaan Negara itu dan jika mana-mana orang dinamakan dengan gelaran sesuatu jawatan, maka apa-apa hak, kuasa atau obligasi yang menurut kuasa penamaannya itu dia menjadi berhak kepadanya atau bertanggung ke atasnya pada tarikh dia mengosongkan jawatannya hendaklah disifatkan telah dipindahkan kepada atau dikenakan ke atas penggantinya yang sedang memegang jawatan itu dalam semua hal seolah-olah pemegang jawatan itu ialah perbadanan seorang.

Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna)

(4) Penamaan yang dibuat di bawah subseksyen (2) boleh dibatalkan pada bila-bila masa dan suatu penamaan yang baru dibuat mengikut cara yang diperuntukkan oleh subseksyen itu dan dalam keadaan itu apa-apa hak, kuasa atau obligasi yang menurut kuasa penamaannya itu orang yang dulunya dinamakan menjadi berhak kepadanya atau bertanggung ke atasnya pada tarikh penamaannya dibatalkan hendaklah dipindahkan kepada orang yang terakhir dinamakan mengikut apa-apa cara yang diperuntukkan oleh kaedah-kaedah yang dibuat di bawah subseksyen (6).

(5) Bagi maksud apa-apa urusan mengenai mana-mana tanah atau kepentingan mengenai mana-mana tanah yang terletak hak pada nama sesuatu Negara, mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud subseksyen ini sama ada pada amnya atau dalam sesuatu hal tertentu melalui surat yang dialamatkan kepada Menteri oleh atau bagi pihak Negara itu boleh, oleh sebab pemberikuasaan itu, menyempurnakan semua atau mana-mana surat cara dan melakukan apa-apa perbuatan atau benda lain bagi memberikan kuat kuasa kepada apa-apa urusan mengenai tanah sedemikian bagi pihak Negara itu mengikut cara yang sama dan ke takat yang sama seolah-olah orang itu telah diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu surat kuasa wakil yang sah yang dihantar serah dengan sewajarnya di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara, Ordinan Tanah Sabah atau Kanun Tanah Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Yang di-Pertuan Agong boleh membuat kaedah-kaedah bagi maksud melaksanakan seksyen ini.

Kuasa pegawai konsular berhubung dengan harta orang yang sudah mati

10. (1) Jika mana-mana rakyat sesuatu Negara yang baginya Akta ini terpakai dinamakan sebagai wasi wasiat seseorang orang yang sudah mati yang melupuskan harta di Malaysia atau selainnya ialah seseorang yang kepadanya suatu surat perwakilan boleh diberikan oleh mana-mana mahkamah di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia atau di mana-mana Negeri anggota di Malaysia berhubung dengan probet wasiat atau pentadbiran harta pusaka orang yang sudah mati, maka, jika mahkamah itu berpuas hati atas permohonan seseorang pegawai

konsular Negara itu bahawa rakyat itu tidak bermastautin di Malaysia dan jika tiada permohonan bagi mendapatkan surat perwakilan sedemikian dibuat oleh seseorang yang diberi kuasa dengan sewajarnya di bawah undang-undang itu melalui surat kuasa wakil untuk bertindak bagi pihaknya bagi maksud itu, mahkamah hendaklah memberi pegawai itu apa-apa surat perwakilan sedemikian bagi harta pusaka orang yang sudah mati itu sebagaimana yang akan diberikan kepadanya jika dia diberi kuasa sedemikian sebagaimana yang disebut terdahulu:

Dengan syarat bahawa mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, meneguhkan pemberian surat menurut kuasa seksyen ini selama apa-apa tempoh yang difikirkan wajar oleh mahkamah dengan mengambil kira hal keadaan kes itu.

(2) Jika mana-mana orang yang merupakan rakyat atau warganegara sesuatu Negara yang baginya Akta ini terpakai—

- (a) berhak mendapat apa-apa wang atau harta lain di Malaysia yang menjadi sebahagian daripada harta pusaka seseorang orang yang sudah mati atau menerima pembayaran apa-apa wang di Malaysia yang menjadi kena dibayar atas kematian seseorang orang yang sudah mati; atau
- (b) ialah antara orang yang kepadanya apa-apa wang atau harta lain seseorang orang yang sudah mati boleh di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia atau di mana-mana Negeri anggota di Malaysia dibayar atau diserahkan tanpa pemberian probet atau bukti hakmilik yang lain,

maka, jika rakyat atau warganegara itu tidak bermastautin di Malaysia, seseorang pegawai konsular Negara itu hendaklah mempunyai hak dan kuasa yang sama untuk menerima dan memberikan suatu pelepasan yang sah bagi mana-mana wang atau harta itu seolah-olah dia telah diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak bagi pihaknya bagi maksud itu oleh surat kuasa wakil:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh diberi kuasa atau dikehendaki oleh subseksyen ini untuk membayar atau menyerahkan apa-apa wang atau harta kepada seseorang pegawai, konsular jika diketahuinya bahawa mana-mana orang lain di Malaysia telah diberi kuasa secara nyata untuk menerima wang atau harta itu bagi pihak rakyat atau warganegara itu.

Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna)

(3) Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia atau di mana-mana Negeri anggota di Malaysia, adalah sah bagi surat kuasa mentadbir bagi sesuatu harta pusaka untuk diberikan, menurut kuasa seksyen ini, kepada seorang pegawai konsular seorang sahaja, dan, apabila wakil diri yang sedia ada ialah seorang pegawai konsular yang dilantik menurut kuasa seksyen ini, adalah tidak perlu, dalam apa-apa hal, bagi wakil diri tambahan dilantik.

(4) Apabila surat kuasa mentadbir diberikan atau apa-apa surat perwakilan diberikan kepada mana-mana pegawai konsular menurut kuasa seksyen ini, penjamin tidaklah dikehendaki bagi mana-mana bon pentadbiran yang diberikan oleh pegawai itu, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia atau di mana-mana Negeri anggota di Malaysia.

(5) Walau apa pun apa-apa kaedah undang-undang yang memberikan keistimewaan atau kekebalan berkenaan dengan perbuatan dan dokumen rasmi pegawai konsul, seseorang pegawai konsul tidak berhak mendapat apa-apa keistimewaan atau kekebalan berkenaan dengan mana-mana perbuatan yang dilakukan menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah seksyen ini atau berkenaan dengan apa-apa dokumen yang sedang dalam miliknya yang berhubungan dengan perbuatan itu.

(6) Suatu surat perwakilan yang diberikan menurut kuasa seksyen ini boleh dibuat kepada pegawai konsular melalui gelaran jawatan rasminya dan kepada penggantinya dalam jawatan itu dan jika suatu surat dibuat sedemikian, jawatan pentadbir dan segala harta pusaka, hak, duti dan liabiliti pentadbir (termasuk liabiliti di bawah bon pentadbiran) hendaklah terletak hak pada dan dikenakan ke atas orang yang sedang memegang jawatan itu dan tiada surat baru diperlukan hanya kerana kematian atau pengosongan jawatan orang yang kepadanya surat itu telah dibuat atau yang padanya surat itu terletak hak sebagaimana yang disebut terdahulu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh menyentuh apa-apa batasan yang terkandung dalam surat itu atau mana-mana kuasa mahkamah untuk membatalkan surat itu.

Pindaan dan kecualian

11. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957 [*Ord. 53/1957*], yang disebut "Ordinan" dalam seksyen ini, dipinda—

- (a) dalam subseksyen 2(1) dengan memotong takrif "consular employee", "consular office" dan "consular officer";
- (b) dengan memotong Bahagian IV;
- (c) dalam seksyen 8—
 - (i) dengan memotong perkataan "or consular officer or consular employee" yang terdapat selepas perkataan "chief representative"; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan "or the consular staff thereof" yang terdapat sebelum perkataan "by such country"; dan
- (d) dalam perenggan 9(1)(a)—
 - (i) dengan memotong perkataan "or for the purposes of a consular office of such country or for the residence of a consular officer or consular employee of such country" yang terdapat selepas perkataan "official staff; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan "or consular" yang terdapat selepas perkataan "diplomatic".

(2) Negara yang disebut di bawah perenggan 5(a) atau (b) Ordinan dan yang bukan anggota Konvensyen 1963 hendaklah terus menikmati keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam seksyen 6 dan 7 Ordinan.

(3) Bagi maksud Akta ini, keistimewaan dan kekebalan yang disebut di bawah subseksyen (2) hendaklah disifatkan sebagai keistimewaan dan kekebalan yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah perenggan 4(b) walau apa pun—

- (a) apa-apa perbezaan tentang jenis dan takat keistimewaan dan kekebalan itu dan keistimewaan dan kekebalan di bawah Konvensyen 1963; dan

- (b) sama ada atau tidak terdapat berkenaan dengan Negara itu suatu konvensyen konsular yang disebut di bawah perenggan 4(b).

JADUAL

[Subseksyen 2(1)]

PERKARA KONVENSYEN VIENNA MENGENAI HUBUNGAN KONSULAR (1963)
YANG MEMPUNYAI KUAT KUASA UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

PERKARA 1

Takrif

1. Bagi maksud Konvensyen ini, ungkapan yang berikut hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah ini:
- (a) "jawatan konsular" ertinya mana-mana konsulat jeneral, konsulat, naib konsulat atau agensi konsular;
 - (b) "daerah konsular" ertinya kawasan yang diuntukkan bagi sesuatu jawatan konsular bagi penjalanan fungsi konsular;
 - (c) "ketua jawatan konsular" ertinya orang yang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan untuk bertindak atas sifat itu;
 - (d) "pegawai konsular" ertinya mana-mana orang, termasuk ketua sesuatu jawatan konsular, yang diamanahkan atas sifat itu dengan penjalanan fungsi konsular;
 - (e) "pekerja konsular" ertinya mana-mana orang yang diambil kerja dalam perkhidmatan pentadbiran atau teknikal sesuatu jawatan konsular;
 - (f) "anggota kakitangan perkhidmatan" ertinya mana-mana orang yang diambil kerja dalam perkhidmatan domestik sesuatu jawatan konsular;
 - (g) "anggota jawatan konsular" ertinya pegawai konsular, pekerja konsular dan anggota kakitangan perkhidmatan;
 - (h) "anggota kakitangan konsular" ertinya pegawai konsular, selain daripada ketua sesuatu jawatan konsular, pekerja konsular dan anggota kakitangan perkhidmatan;
 - (i) "anggota kakitangan peribadi" ertinya seseorang yang diambil kerja secara eksklusif dalam perkhidmatan peribadi seseorang anggota jawatan konsular;
 - (j) "premis konsular" ertinya bangunan atau bahagian-bahagian bangunan dan tanah yang bersampingan dengannya, tanpa mengira pemunyaan, yang digunakan secara eksklusif bagi maksud jawatan konsular;
 - (k) "arkib konsular" termasuklah segala kertas, dokumen, surat-menyurat, buku, filem, pita dan daftar jawatan konsular, serta juga tulisan rahsia dan kod, indeks kad dan apa-apa barang perabot yang dimaksudkan untuk melindungi atau menyimpannya dengan selamat.

PERKARA 5*Fungsi konsular*

Fungsi konsular terdiri daripada:

- (a) melindungi di Negara penerima kepentingan Negara penghantar dan kepentingan rakyat Negara penghantar, kedua-dua individu dan badan pertubuhan. dalam had yang dibenarkan oleh undang-undang antarabangsa;
- (b) memajukan perkembangan hubungan komersial, ekonomi, kebudayaan dan saintifik antara Negara penghantar dan Negara penerima dan selainnya memupuk hubungan persahabatan antara mereka mengikut peruntukan Konvensyen ini;
- (c) menentukan melalui segala cara yang sah keadaan dan perkembangan dalam kehidupan komersial, ekonomi, kebudayaan dan saintifik Negara penerima, melaporkan mengenainya kepada Kerajaan Negara penghantar dan memberikan maklumat kepada orang yang berminat;
- (d) mengeluarkan pasport dan dokumen perjalanan kepada rakyat Negara penghantar, dan visa atau dokumen yang sesuai kepada orang yang berniat untuk pergi ke Negara penghantar;
- (e) membantu dan menolong rakyat, kedua-dua individu dan badan pertubuhan. Negara penghantar;
- (f) bertindak sebagai notari dan pendaftar sivil dan atas sifat yang seumpamanya, dan melaksanakan fungsi tertentu yang bersifat pentadbiran, dengan syarat bahawa tidak ada apa-apa yang berlawanan dengannya dalam undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penerima;
- (g) melindungi kepentingan rakyat, kedua-dua individu dan badan pertubuhan, Negara penghantar dalam hal pewarisan *mortis causa* di wilayah Negara penerima, mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penerima;
- (h) melindungi, dalam had yang dikenakan oleh undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penerima, kepentingan seseorang orang belum dewasa dan orang lain yang tidak berkeupayaan sepenuhnya yang merupakan rakyat Negara penghantar, terutamanya jika apa-apa penjagaan atau peramanahan diperlukan berkenaan dengan orang itu;
- (i) tertakluk kepada amalan dan tatacara yang terdapat di Negara penerima, mewakili atau mengatur representasi yang sesuai bagi rakyat Negara penghantar di hadapan tribunal dan pihak berkuasa lain Negara penerima, bagi maksud mendapatkan, mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penerima, langkah-langkah sementara bagi memelihara hak dan kepentingan rakyat ini, jika, oleh sebab ketiadaan atau apa-apa sebab lain, rakyat itu tidak dapat pada masa yang sepatutnya membela hak dan kepentingannya;

Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna)

- (j) menghantar dokumen kehakiman dan luar kehakiman atau menyempurnakan surat rogatori atau tugas mengambil keterangan bagi mahkamah Negara penghantar mengikut perjanjian antarabangsa yang berkuat kuasa atau, jika tiada perjanjian antarabangsa sedemikian, mengikut apa-apa cara lain yang serasi dengan undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penerima;
- (k) menjalankan hak pengawalseliaan dan pemeriksaan yang diperuntukkan dalam undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penghantar berkenaan dengan vesel yang mempunyai kerakyatan Negara penghantar, dan berkenaan dengan pesawat udara yang didaftarkan di Negara itu, dan berkenaan dengan anak kapalnya;
- (l) memberikan pertolongan kepada vesel dan pesawat udara yang disebut dalam subperenggan (k) Perkara ini dan kepada anak kapalnya, mengambil pernyataan berkenaan dengan pelayaran sesuatu vesel, memeriksa dan menera dokumen kapal, dan, tanpa menjejaskan kuasa pihak berkuasa Negara penerima, menjalankan penyiasatan mengenai apa-apa kejadian yang berlaku semasa pelayaran, dan menyelesaikan apa-apa jenis pertikaian antara nakhoda, pegawai dan kelasi setakat yang ini dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penghantar;
- (m) melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diamanahkan kepada jawatan konsular oleh Negara penghantar yang tidak dilarang oleh undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penerima atau yang kepadanya tiada bantahan dibuat oleh Negara penerima atau yang disebut dalam perjanjian antarabangsa yang berkuat kuasa antara Negara penghantar dan Negara penerima.

PERKARA 15

Penjalanan sementara fungsi ketua jawatan konsular

1. Jika ketua jawatan konsular tidak dapat menjalankan fungsinya atau kedudukan ketua jawatan konsular kosong, seorang ketua jawatan yang memangku boleh bertindak secara sementara sebagai ketua jawatan konsular.
2. Nama penuh ketua jawatan yang memangku hendaklah diberitahu sama ada oleh perwakilan diplomatik Negara penghantar atau, jika Negara itu tidak mempunyai perwakilan sedemikian di Negara penerima, oleh ketua jawatan konsular, atau, jika dia tidak dapat berbuat demikian, oleh mana-mana pihak berkuasa berwibawa Negara penghantar, kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negeri penerima atau kepada pihak berkuasa yang ditetapkan oleh Kementerian itu. Sebagai kaedah am, pemberitahuan ini hendaklah diberikan terlebih dahulu. Negara penerima boleh menerima sebagai ketua jawatan yang memangku seseorang yang bukannya ejen diplomatik mahupun pegawai konsular Negara penghantar di Negara penerima dengan syarat ia bersetuju.
3. Pihak berkuasa berwibawa Negara penerima hendaklah memberikan pertolongan dan perlindungan kepada ketua jawatan yang memangku. Semasa dia mengetuai jawatan itu, peruntukan Konvensyen ini hendaklah terpakai baginya

dengan cara yang sama sebagaimana ia terpakai bagi ketua jawatan konsular yang berkenaan. Negara penerima tidak, tidak kira bagaimana sekalipun, berkewajipan memberi ketua jawatan yang memangku apa-apa kemudahan, keistimewaan atau kekebalan yang dinikmati oleh ketua jawatan konsular sahaja yang tertakluk kepada syarat yang tidak dipenuhi oleh ketua jawatan yang memangku.

4. Apabila, dalam hal keadaan yang disebut dalam perenggan 1 Perkara ini, seseorang anggota kakitangan diplomatik perwakilan diplomatik Negara penghantar di Negara penerima ditetapkan oleh Negara penghantar sebagai ketua jawatan yang memangku, dia hendaklah, jika Negara penerima tidak membuat bantahan terhadapnya, terus menikmati keistimewaan dan kekebalan diplomatik.

PERKARA 17

Pelaksanaan perbuatan diplomatik oleh pegawai konsular

1. Di sesuatu Negara di mana Negara penghantar tidak mempunyai perwakilan diplomatik dan tidak diwakili oleh perwakilan diplomatik Negara ketiga, seseorang pegawai konsular boleh, dengan persetujuan Negara penerima, dan tanpa menjejaskan status konsularnya, diberi kuasa untuk melaksanakan perbuatan diplomatik. Pelaksanaan perbuatan itu oleh seseorang pegawai konsular tidak memberinya apa-apa hak untuk menuntut keistimewaan dan kekebalan diplomatik.

2. Seseorang pegawai konsular boleh, selepas pemberitahuan yang ditujukan kepada Negara penerima, bertindak sebagai wakil Negara penghantar kepada mana-mana organisasi antara kerajaan. Apabila bertindak sedemikian, dia berhak menikmati apa-apa keistimewaan dan kekebalan yang diberikan kepada wakil sedemikian oleh undang-undang adat antarabangsa atau oleh perjanjian antarabangsa; bagaimanapun, berkenaan dengan pelaksanaan apa-apa fungsi konsular olehnya, dia tidak berhak mendapat apa-apa kekebalan daripada bidang kuasa yang lebih daripada kekebalan yang berhak didapati oleh seorang pegawai konsular di bawah Konvensyen ini.

PERKARA 27

Perlindungan premis dan arkib konsular dan kepentingan Negara penghantar dalam hal keadaan luar biasa

1. Sekiranya berlaku pemutusan hubungan konsular antara dua Negara:
 - (a) Negara penerima hendaklah, walaupun dalam hal konflik bersenjata, menghormati dan melindungi premis konsular, serta juga harta jawatan konsular dan arkib konsular;
 - (b) Negara penghantar boleh mengamanahkan penjagaan premis konsular, serta juga harta yang terdapat di dalamnya dan arkib konsular, kepada suatu Negara ketiga yang boleh diterima oleh Negara penerima;
 - (c) Negara penghantar boleh mengamanahkan perlindungan kepentingannya dan kepentingan rakyatnya kepada suatu Negara ketiga yang boleh diterima oleh Negara penerima.

2. Sekiranya berlaku penutupan sementara atau kekal sesuatu jawatan konsular, peruntukan subperenggan (a) perenggan 1 Perkara ini hendaklah terpakai. Sebagai tambahan,

- (a) jika Negara penghantar, walaupun tidak diwakili di Negara penerima oleh suatu perwakilan diplomatik, mempunyai jawatan konsular yang lain di wilayah Negara itu, jawatan konsular itu boleh diamanahkan untuk menjaga premis jawatan konsular yang telah ditutup itu, serta juga harta yang terdapat di dalamnya dan arkib konsular, dan, dengan persetujuan Negara penerima, untuk menjalankan fungsi konsular di daerah jawatan konsular itu; atau
- (b) jika Negara penghantar tidak mempunyai perwakilan diplomatik dan tiada jawatan konsular yang lain di Negara penerima, peruntukan subperenggan (b) dan (c) perenggan 1 Perkara ini hendaklah terpakai.

BAB II

KEMUDAHAN, KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN JAWATAN KONSULAR, PEGAWAI KONSULAR KERJAYA DAN ANGGOTA LAIN SESUATU JAWATAN KONSULAR

SEKSYEN I

KEMUDAHAN, KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN SESUATU JAWATAN KONSULAR

PERKARA 28

Kemudahan bagi kerja jawatan konsular

Negara penerima hendaklah memberikan kemudahan sepenuhnya bagi pelaksanaan fungsi jawatan konsular.

PERKARA 29

Penggunaan bendera kebangsaan dan jata

1. Negara penghantar berhak menggunakan bendera kebangsaan dan jatanya di Negara penerima mengikut peruntukan Perkara ini.
2. Bendera kebangsaan Negara penghantar boleh dikibarkan dan jatanya dipamerkan di bangunan yang dihuni oleh jawatan konsular dan pada pintu masuknya, di kediaman ketua jawatan konsular itu dan pada kenderaannya apabila digunakan bagi urusan rasmi.
3. Pada menggunakan hak yang diberikan oleh Perkara ini, undang-undang, peraturan-peraturan dan kelaziman Negara penerima hendaklah diambil kira.

PERKARA 30*Tempat tinggal*

1. Negara penerima hendaklah sama ada memudahkan pemerolehan di dalam wilayahnya, mengikut undang-undang dan peraturan-peraturannya, oleh Negara penghantar akan premis yang perlu bagi jawatan konsularnya atau membantu Negara penghantar untuk mendapatkan tempat tinggal mengikut cara yang lain.
2. Negara penerima hendaklah juga, jika perlu, membantu jawatan konsular itu untuk mendapatkan tempat tinggal yang sesuai untuk anggotanya.

PERKARA 31*Ketakbolehcabulan premis konsular*

1. Premis konsular tidak boleh dicabul setakat yang diperuntukkan dalam Perkara ini.
2. Pihak berkuasa Negara penerima tidak boleh memasuki bahagian premis konsular yang digunakan secara eksklusif bagi maksud kerja jawatan konsular itu kecuali dengan kebenaran ketua jawatan konsular itu atau orang yang ditetapkan olehnya atau ketua perwakilan diplomatik Negara penghantar. Kebenaran ketua jawatan konsular itu boleh, bagaimanapun, dianggap telah diberikan jika berlaku kebakaran atau bencana lain yang menghendaki tindakan perlindungan yang segera.
3. Tertakluk kepada peruntukan perenggan 2 Perkara ini, Negara penerima adalah berkewajipan khas untuk mengambil segala langkah yang sesuai untuk melindungi premis konsular itu daripada apa-apa pencerobohan atau kebinasaan dan untuk mencegah apa-apa gangguan keamanan di jawatan konsular itu atau kecacatan kemuliaannya.
4. Premis konsular, alat-alat perabotnya, harta jawatan konsular itu dan kenderaannya adalah kebal daripada apa-apa bentuk rekuisisi bagi maksud pertahanan negara atau kemudahan awam. Jika ekspropriasi adalah perlu bagi maksud sedemikian, segala langkah yang mungkin hendaklah diambil bagi mengelakkan daripada terhalangnya pelaksanaan fungsi konsular, dan pampasan segera, mencukupi dan efektif hendaklah dibayar kepada Negara penghantar.

PERKARA 32*Pengecualian daripada pencukaian premis konsular*

1. Premis konsular dan kediaman ketua jawatan konsular kerjaya yang baginya Negara penghantar atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya merupakan pemunya atau penerima pajak hendaklah dikecualikan daripada segala jua pun dius dan cukai negara, daerah atau munisipal, selain apa-apa yang merupakan pembayaran bagi perkhidmatan tertentu yang diberikan.

2. Pengecualian daripada pencukaaian yang disebut dalam perenggan 1 Perkara ini tidaklah terpakai bagi dius dan cukai itu jika, di bawah undang-undang Negara penerima, ia kena dibayar oleh orang yang berkontrak dengan Negara penghantar atau dengan orang yang bertindak bagi pihaknya.

PERKARA 33

Ketakbolehcabulan arkib dan dokumen konsular

Arkib dan dokumen konsular tidak boleh dicabul pada bila-bila masa dan di mana-mana jua ia berada.

PERKARA 34

Kebebasan bergerak

Tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturannya berkenaan dengan zon yang kemasukan ke dalamnya adalah dilarang atau dikawal selia atas alasan keselamatan negara, Negara penerima hendaklah memastikan bahawa semua anggota jawatan konsular bebas untuk bergerak dan berjalan di dalam wilayahnya.

PERKARA 35

Kebebasan berkomunikasi

1. Negara penerima hendaklah membenarkan dan melindungi kebebasan pihak jawatan konsular untuk berkomunikasi bagi segala maksud rasmi. Dalam berkomunikasi dengan Kerajaan, perwakilan diplomatik dan jawatan konsular yang lain, di mana-mana jua terletak, Negara penghantar, jawatan konsular itu boleh menggunakan segala cara yang sesuai, termasuk menggunakan kurir diplomatik atau konsular, beg diplomatik atau konsular dan mesej dalam kod atau tulisan rahsia. Bagaimanapun, jawatan konsular itu hanya boleh memasang dan menggunakan pemancar wayarles dengan kebenaran Negara penerima sahaja.

2. Surat menyurat rasmi jawatan konsular tidak boleh dicabul. Surat menyurat rasmi ertinya segala surat menyurat yang berhubungan dengan jawatan konsular itu dan fungsinya.

3. Beg konsular tidak boleh dibuka atau ditahan. Namun begitu, jika pihak berkuasa berwibawa Negara penerima mempunyai sebab yang serius untuk mempercayai bahawa beg itu mengandungi sesuatu selain surat menyurat, dokumen atau barang yang disebut dalam perenggan 4 Perkara ini, mereka boleh meminta supaya beg itu dibuka dalam kehadiran mereka oleh seseorang wakil diberi kuasa Negara penghantar. Jika permintaan ini ditolak oleh pihak berkuasa Negara penghantar, beg itu hendaklah dikembalikan ke tempat asalnya.

4. Bungkus-bungkus yang menjadi beg konsular hendaklah mempunyai tanda luar yang boleh dilihat tentang sifatnya dan hanya boleh mengandungi surat menyurat dan dokumen rasmi atau barang yang dimaksudkan untuk kegunaan rasmi secara eksklusif.

5. Kurir konsular hendaklah diberi suatu dokumen rasmi yang menunjukkan statusnya dan bilangan bungkusan yang menjadi beg konsular itu. Kecuali dengan kebenaran Negara penerima, dia tidaklah boleh merupakan seorang rakyat Negara penerima, atau, melainkan jika dia ialah rakyat Negara penghantar, pemastautin tetap Negara penerima. Pada melaksanakan fungsinya, dia hendaklah diberi perlindungan oleh Negara penerima. Dia hendaklah menikmati ketakbolehcabulan diri dan tidak boleh dikenakan apa-apa bentuk penangkapan atau penahanan.
6. Negara penghantar, perutusan diplomatiknya dan jawatan konsularnya boleh menetapkan kurir konsular *ad hoc*. Dalam hal sedemikian, peruntukan perenggan 5 Perkara ini hendaklah juga terpakai kecuali bahawa kekebalan yang disebut dalamnya hendaklah terhenti daripada terpakai apabila kurir itu telah menyerahkan beg konsular yang dalam jagaannya itu kepada konsaini.
7. Sesuatu beg konsular boleh diamanahkan kepada kapten sesuatu kapal atau sesuatu pesawat udara komersial yang dijadualkan mendarat di suatu pelabuhan masuk yang dibenarkan. Dia hendaklah diberi suatu dokumen rasmi yang menunjukkan bilangan bungkusan yang menjadi beg itu. tetapi dia tidak boleh dianggap sebagai seorang kurir konsular. Melalui perkiraan dengan pihak berkuasa tempatan yang berkenaan, jawatan konsular itu boleh menghantar seorang daripada anggotanya untuk mengambil milik beg itu secara terus dan dengan bebas daripada kapten kapal atau pesawat udara itu.

PERKARA 36

Komunikasi dan hubungan dengan rakyat Negara penghantar

1. Dengan tujuan untuk memudahkan perjalanan fungsi konsular yang berhubungan dengan rakyat Negara penghantar:
 - (a) pegawai konsular adalah bebas untuk berkomunikasi dengan rakyat Negara penghantar dan untuk mempunyai akses kepada mereka. Rakyat Negara penghantar hendaklah mempunyai kebebasan yang sama berkenaan dengan komunikasi dengan dan akses kepada pegawai konsular Negara penghantar;
 - (b) jika dia meminta sedemikian, pihak berkuasa berwibawa Negara penerima hendaklah, tanpa kelengahan, memberitahu jawatan konsular Negara penghantar jika, di dalam daerah konsularnya, seorang rakyat Negara itu ditangkap atau dikomitkan ke penjara atau diletakkan dalam jagaan sementara menanti perbicaraan atau ditahan mengikut apa-apa cara yang lain. Apa-apa komunikasi yang ditujukan kepada jawatan konsular oleh orang yang ditangkap, dalam penjara, dalam jagaan atau tahanan itu hendaklah juga dihantar oleh pihak berkuasa tersebut tanpa kelengahan. Pihak berkuasa tersebut hendaklah memberitahu orang berkenaan tanpa kelengahan tentang haknya di bawah subperenggan ini;
 - (c) pegawai konsular berhak melawat seorang rakyat Negara penghantar yang berada dalam penjara, dalam jagaan atau tahanan, berbual dan berutus surat dengannya dan mengatur representasi guamannya. Mereka

juga berhak melawat mana-mana rakyat Negara penghantar yang berada dalam penjara. dalam jagaan atau tahanan di daerah mereka menurut suatu penghakiman. Namun begitu, pegawai konsular hendaklah mengelak daripada mengambil tindakan bagi pihak seseorang rakyat yang berada dalam penjara, dalam jagaan atau tahanan jika dia secara nyata menentang tindakan itu.

2. Hak yang disebut dalam perenggan 1 Perkara ini hendaklah digunakan dengan menepati undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penerima, tertakluk kepada proviso, bagaimanapun, bahawa undang-undang dan peraturan-peraturan tersebut mestilah membolehkan kuat kuasa sepenuhnya diberikan kepada maksud yang baginya hak yang diberikan di bawah Perkara ini diniatkan.

PERKARA 37

Maklumat dalam hal kematian, penjagaan atau peramanahan, karaman dan kemalangan udara

Jika maklumat yang berkaitan boleh didapati oleh pihak berkuasa berwibawa Negara penerima, pihak berkuasa itu adalah berkewajipan:

- (a) dalam hal kematian seseorang rakyat Negara penghantar, untuk memberitahu tanpa kelengahan jawatan konsular yang di dalam daerahnya kematian itu berlaku;
- (b) untuk memberitahu tanpa kelengahan jawatan konsular yang berwibawa mengenai apa-apa hal jika pelantikan seseorang penjaga atau pemegang amanah didapati adalah demi kepentingan seseorang orang belum dewasa atau orang lain yang tidak berkeupayaan sepenuhnya yang merupakan seorang rakyat Negara penghantar. Pemberian maklumat ini adalah, bagaimanapun, tanpa menjejaskan kuat kuasa undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penerima berkenaan dengan pelantikan itu;
- (c) jika sesuatu vesel, yang mempunyai kenegaraan Negara penghantar, karam atau terkandas di dalam laut wilayah atau perairan pedalaman Negara penerima, atau jika sesuatu pesawat udara yang didaftarkan di Negara penghantar mengalami kemalangan di dalam wilayah Negara penerima, untuk memberitahu tanpa kelengahan jawatan konsular yang paling hampir dengan tempat berlakunya kejadian itu.

PERKARA 38

Komunikasi dengan pihak berkuasa Negara penerima

Pada menjalankan fungsi mereka, pegawai-pegawai konsular boleh berurusan dengan:

- (a) pihak berkuasa tempatan berwibawa daerah konsular mereka;

- (b) pihak berkuasa pusat berwibawa Negara penerima jika dan setakat yang ini dibenarkan oleh undang-undang, peraturan-peraturan dan kelaziman Negara penerima atau oleh perjanjian antarabangsa yang berkaitan.

PERKARA 39*Fi dan caj konsular*

1. Jawatan konsular boleh melevi di dalam wilayah Negara penerima fi dan caj yang diperuntukkan oleh undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penghantar bagi perbuatan konsular.
2. Jumlah wang yang dikutip dalam bentuk fi dan caj yang disebut dalam perenggan 1 Perkara ini, dan penerimaan bagi fi dan caj itu, hendaklah dikecualikan daripada segala dius dan cukai di Negara penerima.

SEKSYEN II**KEMUDAHAN, KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN
PEGAWAI KONSULAR KERJAYA DAN ANGGOTA LAIN SESUATU JAWATAN
KONSULAR****PERKARA 40***Perlindungan pegawai konsular*

Negara penerima hendaklah melayan pegawai konsular dengan kehormatan sewajarnya dan hendaklah mengambil segala langkah yang sesuai bagi mencegah apa-apa serangan ke atas diri mereka, sekatan ke atas kebebasan mereka atau menghalang maruah mereka daripada tercemar.

PERKARA 41*Ketakbolehcabulan diri pegawai konsular*

1. Pegawai konsular tidak boleh ditangkap atau ditahan sementara menanti perbicaraan, kecuali dalam hal sesuatu jenayah besar dan menurut suatu keputusan oleh pihak berkuasa kehakiman yang berwibawa.
2. Kecuali dalam hal yang dinyatakan dalam perenggan 1 Perkara ini, pegawai konsular tidak boleh dikomitkan ke penjara atau dikenakan apa-apa bentuk sekatan lain ke atas kebebasan diri mereka melainkan bagi melaksanakan suatu keputusan kehakiman yang mempunyai kesan muktamad.
3. Jika prosiding jenayah dimulakan terhadap seseorang pegawai konsular, dia mesti hadir di hadapan pihak berkuasa berwibawa itu. Namun begitu, prosiding itu hendaklah dijalankan dengan kehormatan sewajarnya diberikan kepadanya oleh sebab kedudukan rasminya dan, kecuali dalam hal yang dinyatakan dalam perenggan 1 Perkara ini, mengikut cara yang seboleh-bolehnya akan mengganggu

Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna)

sedikit mungkin perjalanan fungsi konsular. Apabila, dalam hal keadaan yang disebut dalam perenggan 1 Perkara ini, menjadi perlu untuk menahan seseorang pegawai konsular, prosiding terhadapnya hendaklah dimulakan dengan kelengahan yang minimum.

PERKARA 42

Pemberitahuan penangkapan, penahanan atau pendakwaan

Sekiranya berlaku penangkapan atau penahanan, sementara menanti perbicaraan, seseorang anggota kakitangan konsular, atau jika prosiding jenayah sedang dimulakan terhadapnya, Negara penerima hendaklah dengan segera memberitahu ketua jawatan konsular itu. Jika ketua jawatan konsular itu sendiri merupakan objek mana-mana tindakan sedemikian, Negara penerima hendaklah memberitahu Negara penghantar melalui saluran diplomatik.

PERKARA 43

Kekebalan daripada bidang kuasa

1. Pegawai-pegawai konsular dan pekerja-pekerja konsular tidak tertakluk kepada bidang kuasa pihak berkuasa kehakiman atau pentadbiran Negara penerima berkenaan dengan perbuatan yang dilaksanakan pada menjalankan fungsi konsular.
2. Peruntukan perenggan 1 Perkara ini tidak, bagaimanapun, terpakai berkenaan dengan sesuatu tindakan sivil sama ada:
 - (a) yang timbul daripada sesuatu kontrak yang dibuat oleh seseorang pegawai konsular atau seseorang pekerja konsular yang dalamnya dia tidak berkontrak secara nyata atau secara tersirat sebagai seorang ejen Negara penghantar; atau
 - (b) oleh suatu pihak ketiga bagi kerosakan yang diakibatkan oleh suatu kemalangan di Negara penerima yang disebabkan oleh suatu kenderaan, vesel atau pesawat udara.

PERKARA 44

Tanggungjawab untuk memberikan keterangan

1. Anggota sesuatu jawatan konsular boleh dipanggil untuk hadir sebagai saksi dalam perjalanan prosiding kehakiman atau pentadbiran. Seseorang pekerja konsular atau seseorang anggota kakitangan perkhidmatan tidak boleh, kecuali dalam hal yang disebut dalam perenggan 3 Perkara ini, menolak daripada memberikan keterangan. Jika seseorang pegawai konsular enggan untuk berbuat demikian, tiada langkah memaksa atau penalti boleh dikenakan terhadapnya.
2. Pihak berkuasa yang menghendaki keterangan seseorang pegawai konsular hendaklah mengelak daripada mengganggu pelaksanaan fungsinya. Pihak berkuasa itu boleh, apabila mungkin, mengambil apa-apa keterangan di kediamannya atau di jawatan konsular itu atau menerima suatu pernyataan secara bertulis daripadanya.

3. Anggota jawatan konsular tidak berobligasi untuk memberikan keterangan berkenaan dengan perkara yang berkaitan dengan penjalanan fungsi mereka atau untuk mengemukakan surat menyurat dan dokumen rasmi yang berhubungan dengannya. Mereka juga berhak menolak daripada memberikan keterangan sebagai saksi pakar berkenaan dengan undang-undang Negara penghantar.

PERKARA 45

Penepian keistimewaan dan kekebalan

1. Negara penghantar boleh menepikan, mengenai seseorang anggota jawatan konsular, mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang diperuntukkan dalam Perkara 41, 43 dan 44.
2. Penepian itu hendaklah dalam segala hal dibuat secara nyata, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 3 Perkara ini, dan hendaklah disampaikan kepada Negara penerima secara bertulis.
3. Pemulaan prosiding oleh seseorang pegawai konsular atau seseorang pekerja konsular dalam hal jika kekebalan daripada bidang kuasa di bawah Perkara 43 mungkin dinikmatinya hendaklah menghalangnya daripada menggunakan kekebalan daripada bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa tuntutan balas yang secara iangsung berkaitan dengan tuntutan prinsipal.
4. Penepian kekebalan daripada bidang kuasa bagi maksud prosiding sivil atau pentadbiran tidak boleh disifatkan sebagai membayangkan penepian kekebalan daripada tindakan pelaksanaan berikutan daripada keputusan penghakiman; berkenaan dengan tindakan sedemikian, suatu penepian berasingan adalah perlu.

PERKARA 46

Pengecualian daripada pendaftaran alien dan permit kemastautinan

1. Pegawai konsular dan pekerja konsular dan anggota keluarga mereka yang menjadi sebahagian daripada isi rumah mereka hendaklah dikecualikan daripada segala obligasi di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penerima tentang pendaftaran alien dan permit kemastautinan.
2. Peruntukan perenggan 1 Perkara ini tidak boleh, bagaimanapun, terpakai bagi mana-mana pekerja konsular yang bukan seorang pekerja tetap Negara penghantar atau yang menjalankan apa-apa pekerjaan persendirian yang menguntungkan di Negara penerima atau bagi mana-mana anggota keluarga mana-mana pekerja itu.

PERKARA 47

Pengecualian daripada permit kerja

1. Anggota jawatan konsular hendaklah, berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan bagi Negara penghantar, dikecualikan daripada apa-apa obligasi tentang permit kerja yang dikenakan oleh undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penerima berkenaan dengan pengambilan kerja buruh asing.

2. Anggota kakitangan peribadi pegawai konsular dan pekerja konsular hendaklah, jika mereka tidak menjalankan apa-apa pekerjaan lain yang menguntungkan di Negara penerima, dikecualikan daripada obligasi yang disebut dalam perenggan 1 Perkara ini.

PERKARA 48

Pengecualian keselamatan sosial

1. Tertakluk kepada peruntukan perenggan 3 Perkara ini, anggota-anggota jawatan konsular berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh mereka bagi Negara penghantar, dan anggota keluarga mereka yang menjadi sebahagian daripada isi rumah mereka, hendaklah dikecualikan daripada peruntukan keselamatan sosial yang berkuat kuasa di Negara penerima.

2. Pengecualian yang diperuntukkan dalam perenggan 1 Perkara ini hendaklah juga terpakai bagi anggota kakitangan peribadi yang bekerja semata-mata untuk anggota jawatan konsular itu, dengan syarat:

(a) bahawa mereka bukanlah rakyat atau tidak bermastautin secara tetap di Negara penerima; dan

(b) bahawa mereka adalah dilindungi oleh peruntukan keselamatan sosial yang berkuat kuasa di Negara penghantar atau suatu Negara ketiga.

3. Anggota jawatan konsular yang mengambil kerja orang yang baginya pengecualian yang diperuntukkan dalam perenggan 2 Perkara ini tidak terpakai hendaklah mematuhi obligasi yang dikenakan oleh peruntukan keselamatan sosial Negara penerima ke atas majikan.

4. Pengecualian yang diperuntukkan dalam perenggan 1 dan 2 Perkara ini tidak boleh menghalang penyertaan sukarela dalam sistem keselamatan sosial Negara penerima, dengan syarat bahawa penyertaan itu dibenarkan oleh Negara itu.

PERKARA 49

Pengecualian daripada pencukaian

1. Pegawai konsular dan pekerja konsular dan anggota keluarga mereka yang menjadi sebahagian daripada isi rumah mereka hendaklah dikecualikan daripada segala dius dan cukai, diri atau harta, negara, daerah atau munisipal, kecuali:

(a) cukai tak langsung daripada jenis yang biasanya dimasukkan dalam harga barang atau perkhidmatan;

(b) dius atau cukai ke atas harta tak alih persendirian yang terletak di dalam wilayah Negara penerima, tertakluk kepada peruntukan Perkara 32;

- (c) duti harta pusaka, pewarisan, dan duti pemindahmilikan, yang dilevi oleh Negara penerima, tertakluk kepada peruntukan perenggan (b) Perkara 51;
 - (d) dius dan cukai ke atas pendapatan sendiri, termasuk laba modal, yang mempunyai sumbernya di Negara penerima dan cukai modal yang berhubungan dengan pelaburan yang dibuat dalam pengusahaan komersial atau kewangan di Negara penerima;
 - (e) caj yang dilevi bagi perkhidmatan tertentu yang diberikan;
 - (f) fi pendaftaran, mahkamah atau rekod, dius gadai janji dan duti setem, tertakluk kepada peruntukan Perkara 32.
2. Anggota kakitangan perkhidmatan hendaklah dikecualikan daripada dius dan cukai ke atas upah yang mereka terima bagi perkhidmatan mereka.
3. Anggota jawatan konsular yang mengambil kerja orang yang upah atau gajinya tidak dikecualikan daripada cukai pendapatan di Negara penerima hendaklah mematuhi obligasi yang dikenakan oleh undang-undang dan peraturan-peraturan Negara itu ke atas majikan berkenaan dengan levi cukai pendapatan.

PERKARA 50

Pengecualian daripada duti kastam dan pemeriksaan

1. Negara penerima hendaklah, mengikut mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan sebagaimana yang diterimapakainya, membenarkan kemasukan dan memberikan pengecualian daripada segala duti kastam, cukai dan caj yang berhubungan selain caj bagi penyimpanan, pengangkutan dan perkhidmatan yang seumpamanya, ke atas:
- (a) barang bagi kegunaan rasmi jawatan konsular;
 - (b) barang bagi kegunaan peribadi seseorang pegawai konsular atau anggota keluarganya yang menjadi sebahagian daripada isi rumahnya, termasuk barang yang dimaksudkan bagi rumah tangganya. Barang yang dimaksudkan bagi kegunaan tidak boleh melebihi kuantiti yang diperlukan bagi kegunaan langsung orang yang berkenaan.
2. Pekerja konsular hendaklah menikmati keistimewaan dan pengecualian yang dinyatakan dalam perenggan 1 Perkara ini berkenaan dengan barang yang diimport pada masa pemasangan pertama.
3. Bagasi peribadi yang dibawa bersama oleh pegawai konsular dan anggota keluarga mereka yang menjadi sebahagian daripada isi rumah mereka hendaklah dikecualikan daripada pemeriksaan. Bagasi itu boleh diperiksa hanya jika terdapat sebab yang serius untuk mempercayai bahawa bagasi itu mengandungi barang selain yang disebut dalam subperenggan (b) perenggan 1 Perkara ini, atau barang yang pengimportan atau pengeksportannya adalah dilarang oleh undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penerima atau yang tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan kuarantinnya. Pemeriksaan sedemikian hendaklah dijalankan di hadapan pegawai konsular atau anggota keluarganya yang berkenaan.

PERKARA 51

Harta pusaka seseorang anggota jawatan konsular atau seseorang anggota keluarganya

Sekiranya berlaku kematian seseorang anggota jawatan konsular atau seseorang anggota keluarganya yang menjadi sebahagian daripada isi rumahnya, Negara penerima:

- (a) hendaklah membenarkan harta alih orang yang sudah mati itu dieksport, kecuali mana-mana harta yang diperoleh di Negara penerima yang pengeksporthannya dilarang pada masa kematiannya;
- (b) tidak boleh melevi duti harta pusaka atau duti pewarisan negara, daerah atau munisipal, dan duti pemindahmilikan, ke atas harta alih yang ada di Negara penerima semata-mata kerana kehadiran orang yang sudah mati itu di Negara itu sebagai seorang anggota jawatan konsular atau sebagai seorang anggota keluarga seseorang anggota jawatan konsular itu.

PERKARA 52

Pengecualian daripada perkhidmatan dan sumbangan diri

Negara penerima hendaklah mengecualikan anggota jawatan konsular dan anggota keluarga mereka yang menjadi sebahagian daripada isi rumah mereka daripada semua perkhidmatan diri, daripada semua jenis perkhidmatan awam, dan daripada obligasi ketenteraan seperti yang berkaitan dengan perekuisisian, sumbangan ketenteraan dan tumpangan tentera.

PERKARA 53

Bermula dan tamatnya keistimewaan dan kekebalan konsular

1. Tiap-tiap anggota jawatan konsular hendaklah menikmati keistimewaan dan kekebalan yang diperuntukkan dalam Konvensyen ini sebaik sahaja dia memasuki wilayah Negara penerima dalam perjalanannya untuk memegang jawatannya atau, jika dia telah berada di dalam wilayah Negara penerima, sebaik sahaja dia memulakan tugasnya dengan jawatan konsular itu.
2. Anggota keluarga seseorang anggota jawatan konsular yang menjadi sebahagian daripada isi rumahnya dan anggota kakitangan peribadinya hendaklah menerima keistimewaan dan kekebalan yang diperuntukkan dalam Konvensyen ini dari tarikh dia menikmati keistimewaan dan kekebalan itu mengikut perenggan 1 Perkara ini atau dari tarikh mereka masuk ke dalam wilayah Negara penerima atau dari tarikh mereka menjadi anggota keluarga atau kakitangan peribadi itu, mengikut mana-mana yang terakhir.
3. Apabila tamat fungsi seseorang anggota jawatan konsular, keistimewaan dan kekebalannya dan keistimewaan dan kekebalan seseorang anggota keluarganya yang menjadi sebahagian daripada isi rumahnya atau seseorang anggota kakitangan peribadinya hendaklah biasanya terhenti pada masa orang yang berkenaan

meninggalkan Negara penerima atau apabila habis suatu tempoh yang munasabah untuk berbuat demikian, mengikut mana-mana yang lebih awal, tetapi keistimewaan dan kekebalan itu hendaklah kekal sehingga waktu itu, walaupun dalam hal konflik bersenjata. Dalam hal seseorang yang disebut dalam perenggan 2 Perkara ini, keistimewaan dan kekebalan mereka hendaklah tamat apabila mereka terhenti daripada menjadi isi rumah atau berada dalam perkhidmatan seseorang anggota jawatan konsular itu dengan syarat, bagaimanapun bahawa jika orang itu berniat untuk meninggalkan Negara penerima dalam suatu tempoh yang munasabah sesudah itu, keistimewaan dan kekebalan mereka hendaklah kekal sehingga waktu pemergian mereka.

4. Bagaimanapun, berkenaan dengan perbuatan yang dilaksanakan oleh seseorang pegawai konsular atau seseorang pekerja konsular pada menjalankan fungsinya, kekebalan daripada bidang kuasa hendaklah terus kekal tanpa batasan masa.

5. Sekiranya berlaku kematian seseorang anggota jawatan konsular, anggota keluarganya yang menjadi sebahagian daripada isi rumahnya hendaklah terus menikmati keistimewaan dan kekebalan yang diberikan kepada mereka sehingga mereka meninggalkan Negara penerima atau sehingga habis suatu tempoh yang munasabah untuk membolehkan mereka berbuat demikian, mengikut mana-mana yang lebih awal.

PERKARA 54

Obligasi Negara ketiga

1. Jika seseorang pegawai konsular melalui atau berada di dalam wilayah sesuatu Negara ketiga, yang telah memberikannya suatu visa, jika suatu visa diperlukan, semasa dalam perjalanan untuk memegang atau kembali ke jawatannya atau apabila pulang ke Negara penghantar, Negara ketiga itu hendaklah memberikannya semua kekebalan yang diperuntukkan oleh Perkara lain Konvensyen ini sebagaimana yang dikehendaki bagi menjamin transit atau kepulangannya. Kekebalan yang sama hendaklah terpakai dalam hal mana-mana anggota keluarganya yang menjadi sebahagian daripada isi rumahnya yang menikmati keistimewaan atau kekebalan itu yang mengiringi pegawai konsular itu atau dalam perjalanan secara berasingan untuk bersamanya atau untuk pulang ke Negara penghantar.

2. Dalam hal keadaan yang seumpama dengan hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan 1 Perkara ini, Negara-Negara ketiga tidak boleh menghalang transit anggota lain jawatan konsular itu atau anggota keluarga mereka yang menjadi sebahagian daripada isi rumah mereka melalui wilayah mereka.

3. Negara ketiga hendaklah memberikan kebebasan dan perlindungan yang sama kepada surat menyurat rasmi dan kepada komunikasi rasmi yang lain dalam transit, termasuk mesej dalam kod atau tulisan rahsia, sebagaimana Negara penerima terikat untuk memberikannya di bawah Konvensyen ini. Mereka hendaklah memberi kurir konsular yang telah diberi suatu visa, jika suatu visa diperlukan, dan kepada beg konsular dalam transit, ketakbolehcabulan dan perlindungan yang sama sebagaimana Negara penerima terikat untuk memberikannya di bawah Konvensyen ini.

4. Obligasi Negara ketiga di bawah perenggan 1, 2 dan 3 Perkara ini hendaklah juga terpakai bagi orang yang masing-masingnya disebut dalam perenggan-perenggan itu yang hadir, dan bagi komunikasi rasmi dan bagi beg konsular yang ada, di dalam wilayah Negara ketiga itu disebabkan oleh *force majeure*.

PERKARA 55

Penghormatan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penerima

1. Tanpa menjejaskan keistimewaan dan kekebalan mereka, adalah menjadi kewajipan semua orang yang menikmati mana-mana keistimewaan dan kekebalan untuk menghormati undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penerima. Mereka juga mempunyai kewajipan untuk tidak mengganggu hal ehwal dalaman Negara itu.
2. Premis konsular tidak boleh digunakan dengan apa-apa cara yang tidak sesuai dengan penjalanan fungsi konsular.
3. Peruntukan perenggan 2 Perkara ini tidak menolak kemungkinan pejabat institusi atau agensi lain didirikan di sebahagian daripada bangunan yang di dalamnya terletak premis konsular itu, dengan syarat bahawa premis yang diuntukkan kepada mereka adalah berasingan daripada premis yang digunakan oleh jawatan konsular itu. Dalam keadaan itu, pejabat tersebut tidak boleh, bagi maksud Konvensyen ini, dianggap menjadi sebahagian daripada premis konsular itu.

PERKARA 56

Insurans terhadap risiko pihak ketiga

Anggota jawatan konsular hendaklah mematuhi apa-apa kehendak yang dikenakan oleh undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penerima berkenaan dengan insurans terhadap risiko pihak ketiga yang timbul daripada penggunaan mana-mana kenderaan, vesel atau pesawat udara.

PERKARA 57

Peruntukan khas berkenaan dengan pekerjaan persendirian yang menguntungkan

1. Pegawai konsular kerjaya tidak boleh menjalankan bagi keuntungan sendiri apa-apa aktiviti profesional atau komersial di Negara penerima.
2. Keistimewaan dan kekebalan yang diperuntukkan dalam Bab ini tidak boleh diberikan:
 - (a) kepada pekerja konsular atau kepada anggota kakitangan perkhidmatan yang menjalankan apa-apa pekerjaan persendirian yang menguntungkan di Negara penerima;
 - (b) kepada anggota keluarga seseorang yang disebut dalam subperenggan (a) perenggan ini atau kepada anggota kakitangannya peribadinya;

- (c) kepada anggota keluarga seseorang anggota jawatan konsular yang sendiri menjalankan apa-apa pekerjaan persendirian yang menguntungkan di Negara penerima.

BAB III

REJIM BERHUBUNG DENGAN PEGAWAI KONSULAR KEHORMAT DAN JAWATAN KONSULAR YANG DIKETUAI OLEH PEGAWAI ITU

PERKARA 58

Peruntukan am berhubung dengan kemudahan, keistimewaan dan kekebalan

1. Perkara 28, 29, 30, 34, 35, 36, 37, 38 dan 39, perenggan 3 Perkara 54 dan perenggan 2 dan 3 Perkara 55 hendaklah terpakai bagi jawatan-jawatan konsular yang diketuai oleh seseorang pegawai konsular kehormat. Sebagai tambahan, kemudahan, keistimewaan dan kekebalan jawatan-jawatan konsular itu hendaklah ditadbir oleh Perkara 59, 60, 61 dan 62.
2. Perkara 42 dan 43, perenggan 3 Perkara 44, Perkara 45 dan 53 dan perenggan 1 Perkara 55 hendaklah terpakai bagi pegawai konsular kehormat. Sebagai tambahan, kemudahan, keistimewaan dan kekebalan pegawai konsular itu hendaklah ditentukan oleh Perkara 63, 64, 65, 66 dan 67.
3. Keistimewaan dan kekebalan yang diperuntukkan dalam Konvensyen ini tidak boleh diberikan kepada anggota keluarga seseorang pegawai konsular kehormat atau seseorang pekerja konsular yang diambil kerja di sesuatu jawatan konsular yang diketuai oleh seseorang pegawai konsular kehormat.
4. Pertukaran beg-beg konsular antara dua jawatan konsular yang diketuai oleh pegawai-pegawai konsular kehormat di Negara yang berlainan tidak dibenarkan tanpa persetujuan kedua-dua Negara penerima berkenaan.

PERKARA 59

Perlindungan premis konsular

Negara penerima hendaklah mengambil apa-apa langkah yang perlu bagi melindungi premis konsular sesuatu jawatan konsular yang diketuai oleh seseorang pegawai konsular kehormat daripada apa-apa pencerobohan atau kebinasaan dan bagi mencegah apa-apa gangguan keamanan di jawatan konsular itu atau kecacatan kemuliaannya.

PERKARA 60

Pengecualian premis konsular daripada pencucuaian

1. Premis konsular sesuatu jawatan konsular yang diketuai oleh seorang pegawai konsul kehormat yang mengenainya Negara penghantar merupakan pemunya atau penerima pajak hendaklah dikecualikan daripada segala jua pun dius dan cukai negara, daerah atau munisipal, selain apa-apa yang merupakan pembayaran bagi perkhidmatan tertentu yang diberikan.

2. Pengecualian daripada pencukaaian yang disebut dalam perenggan 1 Perkara ini tidak terpakai bagi apa-apa dius dan cukai jika, di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penerima, dius atau cukai itu kena dibayar oleh orang yang berkontrak dengan Negara penghantar.

PERKARA 61

Ketakbolehcabulan arkib dan dokumen konsular

Arkib dan dokumen konsular sesuatu jawatan konsular yang diketuai oleh seseorang pegawai konsular kehormat tidak boleh dicabul pada bila-bila masa dan di mana-mana jua ia berada, dengan syarat bahawa arkib atau dokumen itu disimpan berasingan daripada segala kertas dan dokumen yang lain dan, khususnya, daripada surat menyurat peribadi ketua sesuatu jawatan konsular dan mana-mana orang yang bekerja dengannya, dan daripada bahan, buku atau dokumen yang berhubungan dengan profesion atau tred mereka.

PERKARA 62

Pengecualian daripada duti kastam

Negara penerima hendaklah, mengikut apa-apa undang-undang dan peraturan-peraturan sebagaimana yang diterimapkainya, membenarkan kemasukan, dan memberikan pengecualian daripada segala duti kastam, cukai dan caj yang berhubungan selain caj bagi penyimpanan, pengangkutan dan perkhidmatan yang seumpamanya ke atas barang yang berikut, dengan syarat bahawa ia adalah bagi kegunaan rasmi sesuatu jawatan konsular yang diketuai oleh seseorang pegawai konsular kehormat: jata, bendera, papan tanda, meterai dan cap, buku, bahan bercetak rasmi, perabot pejabat, kelengkapan pejabat dan barang yang seumpamanya yang dibekalkan oleh atau atas permintaan Negara penghantar kepada jawatan konsular itu.

PERKARA 63

Prosiding jenayah

Jika prosiding jenayah dimulakan terhadap seseorang pegawai konsular kehormat, dia mesti hadir di hadapan pihak berkuasa berwibawa itu. Namun begitu, prosiding itu hendaklah dijalankan dengan kehormatan sewajarnya kepadanya oleh sebab kedudukan rasminya dan, kecuali apabila dia ditangkap atau ditahan, mengikut cara yang seboleh-bolehnya akan mengganggu sedikit mungkin perjalanan fungsi konsular. Apabila menjadi perlu untuk menahan seseorang pegawai konsular kehormat, prosiding terhadapnya hendaklah dimulakan dengan kelengahan yang minimum.

PERKARA 64

Perlindungan pegawai konsular kehormat

Negara penerima adalah berkewajipan untuk memberi seseorang pegawai konsular kehormat apa-apa perlindungan yang dikehendaki oleh sebab kedudukan rasminya.

PERKARA 65

Pengecualian daripada pendaftaran alien dan permit kemastautinan

Pegawai konsular kehormat, kecuali mereka yang menjalankan apa-apa aktiviti profesional atau komersial bagi keuntungan peribadi di Negara penerima, hendaklah dikecualikan daripada segala obligasi di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan Negara penerima tentang pendaftaran alien dan permit kemastautinan.

PERKARA 66

Pengecualian daripada pencukaian

Seseorang pegawai konsular kehormat hendaklah dikecualikan daripada segala dius dan cukai atas saraan dan emolumen yang diterimanya daripada Negara penghantar berkenaan dengan penjalanan fungsi konsular.

PERKARA 67

Pengecualian daripada perkhidmatan dan sumbangan diri

Negara penerima hendaklah mengecualikan pegawai konsular kehormat daripada semua perkhidmatan diri dan daripada semua jenis perkhidmatan awam dan daripada obligasi ketenteraan sebagaimana yang berkaitan dengan perekuisisian, sumbangan ketenteraan dan tumpangan tentera.

PERKARA 68

Institusi pegawai konsular kehormat bersifat pilihan

Setiap Negara bebas untuk memutuskan sama ada ia akan melantik atau menerima pegawai konsular kehormat.

BAB IV**PERUNTUKAN AM****PERKARA 69**

Ejen konsular yang bukan ketua jawatan konsular

1. Setiap Negara bebas untuk memutuskan sama ada ia akan menubuhkan atau menerima masuk agensi konsular yang dikendalikan oleh ejen konsular yang tidak ditetapkan sebagai ketua jawatan konsular oleh Negara penghantar.
2. Syarat-syarat yang di bawahnya agensi-agensi konsular yang disebut dalam perenggan 1 Perkara ini boleh menjalankan aktiviti-aktivitinya dan keistimewaan dan kekebalan yang boleh dinikmati oleh ejen konsular yang menjaganya hendaklah ditentukan melalui perjanjian antara Negara penghantar dengan Negara penerima.

PERKARA 70

Penjalanan fungsi konsular oleh perwakilan diplomatik

1. Peruntukan Konvensyen ini juga terpakai, setakat yang konteksnya membenarkan, bagi penjalanan fungsi konsular oleh sesuatu perwakilan diplomatik.
2. Nama anggota perwakilan diplomatik yang ditugaskan ke seksyen konsular atau yang selainnya dipertanggungjawabkan dengan penjalanan fungsi konsular perwakilan itu hendaklah diberitahu kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negara penerima atau kepada pihak berkuasa yang ditetapkan oleh Kementerian itu.
3. Pada menjalankan fungsi konsular sesuatu perwakilan diplomatik boleh berurusan dengan:
 - (a) pihak berkuasa tempatan daerah konsular itu;
 - (b) pihak berkuasa pusat Negara penerima jika ini dibenarkan oleh undang-undang, peraturan-peraturan dan kelaziman Negara penerima atau oleh perjanjian antarabangsa yang berkaitan.
4. Keistimewaan dan kekebalan anggota suatu perwakilan diplomatik yang disebut dalam perenggan 2 Perkara ini hendaklah terus tertakluk kepada kaedah-kaedah undang-undang antarabangsa berkenaan dengan hubungan diplomatik.

PERKARA 71

Rakyat atau pemastautin tetap Negara penerima

1. Kecuali setakat yang kemudahan, keistimewaan dan kekebalan tambahan diberikan oleh Negara penerima, pegawai konsular yang merupakan rakyat Negara penerima atau bermastautin tetap di Negara penerima hanya boleh menikmati kekebalan daripada bidang kuasa dan ketakbolehcabulan diri berkenaan dengan perbuatan rasmi yang dilaksanakan pada menjalankan fungsi mereka sahaja, dan keistimewaan yang diperuntukkan dalam perenggan 3 Perkara 44. Setakat yang berkenaan dengan pegawai konsular ini, Negara penerima hendaklah juga terikat dengan obligasi yang ditetapkan dalam Perkara 42. Jika prosiding jenayah dimulakan terhadap seseorang pegawai konsular sedemikian, prosiding itu hendaklah, kecuali apabila dia ditangkap atau ditahan, dijalankan mengikut cara yang seboleh-bolehnya akan mengganggu sedikit mungkin penjalanan fungsi konsular.
2. Anggota-anggota lain jawatan konsular yang merupakan rakyat Negara penerima atau bermastautin tetap di Negara penerima dan anggota-anggota keluarga mereka, dan juga anggota-anggota keluarga pegawai konsular yang disebut dalam perenggan 1 Perkara ini, hendaklah menikmati kemudahan, keistimewaan dan kekebalan hanya setakat yang kemudahan, keistimewaan dan kekebalan itu diberikan kepada mereka oleh Negara penerima sahaja. Anggota-anggota keluarga anggota-anggota jawatan konsular itu dan anggota-anggota kakitangan peribadi itu yang dengan sendirinya merupakan rakyat Negara penerima

Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna)

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa suatu perakuan yang dikeluarkan oleh atau di bawah kuasa Menteri hendaklah menjadi keterangan konklusif berkenaan dengan apa-apa persoalan tentang sama ada atau tidak seseorang berhak mendapat apa-apa keistimewaan atau kekebalan di bawah Akta yang dicadangkan.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk membuat peruntukan bagi kecualian perjanjian dwipihak tertentu.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk memberi kuasa pemegangan tanah di Malaysia oleh suatu Negara sama ada atas namanya sendiri atau oleh seseorang yang dinamakan bagi pihaknya bagi maksud tertentu yang dinyatakan. *Subfasal 9(6)* bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa untuk membuat kaedah-kaedah bagi maksud melaksanakan *fasal ini*.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk memberi pegawai konsular kuasa untuk berurusan dengan harta orang yang sudah mati yang terletak di Malaysia.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957 berbangkit daripada penggubalan Akta yang dicadangkan. Ia juga bertujuan untuk membuat peruntukan kecualian tertentu bagi keistimewaan dan kekebalan yang diberikan di bawah seksyen 6 dan 7 Ordinan itu bagi negara-negara tertentu yang bukan anggota Konvensyen.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)1906]